



KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MS 2791 MEMPERKASA SKIM PENSIJILAN ORGANIK MALAYSIA (myOrganic) BAGI MENINGKATKAN KUALITI SEKTOR TERNAKAN

SEPANG, 26 NOVEMBER 2024 – Jabatan Standard Malaysia (JSM) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah menganjurkan Majlis Pelancaran dan Seminar Kesedaran MS 2791 *Good Animal Husbandry Practice (GAHP) - Organic Farming* di Hotel Sama-Sama KLIA, Sepang, Selangor. Majlis ini dirasmikan oleh YBrs. Tuan Hussalmizzar bin Hussain, Pengarah Kanan (Standardisasi), Jabatan Standard Malaysia dan YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Majlis pelancaran dan seminar ini menyasarkan penyertaan pihak yang terlibat seperti pengeluar dan pengedar hasil ternakan serta pihak berkepentingan dari industri pertanian dan perladangan termasuk agensi-agensi kerajaan dan swasta, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, para auditor, dan pemain-pemain industri.

Majlis pelancaran dan seminar ini bertujuan untuk mempromosikan dan menghebahkan MS 2791 kepada umum serta memberi penerangan dan pengenalan awal berkenaan dengan klausa-klausa dalam MS 2791 termasuk keperluan terkini bagi amalan ladang haiwan organik.

MS 2791 adalah dokumen yang menggariskan keperluan bagi penternakan haiwan organik yang meliputi aspek sumber ternakan, sumber makanan, kemudahan dan pengurusan ladang ternakan, pengurusan kesihatan, penyimpanan produk, pengangkutan, pengurusan sisa, kawalan makhluk perosak, dan penyimpanan rekod.

MS 2791 juga akan dijadikan sebagai dokumen rujukan utama bagi pelaksanaan Skim Pensijilan Organik Malaysia (myOrganic) iaitu satu pensijilan yang mengiktiraf ladang penternakan yang diusahakan secara organik mengikut syarat dan kriteria yang telah ditetapkan. Hasil ternakan daripada ladang myOrganic adalah dijamin organik, berkualiti dan selamat dimakan. Dokumen MS 2791 ini menerangkan keperluan untuk amalan ladang haiwan organik termasuk haiwan hidup, produk haiwan dan produk sampingan.

Dengan adanya dokumen MS 2791 ianya dapat memastikan peningkatan pengeluaran ternakan yang lestari dan sebagai nilai tambah dalam industri bagi menggalakkan penjagaan kebajikan haiwan dalam semua aspek penternakan dan sistem pengeluaran. MS 2791 juga memastikan keselamatan dan kualiti produk makanan organik, sekaligus dapat menjamin kesihatan, keselamatan, dan keselesaan bagi kedua-dua pengendali dan haiwan.

**JABATAN STANDARD MALAYSIA
KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Dan

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**